

92 BAKAL DOKTOR FALSAFAH

UniMAP DIRAIKAN

Oleh : Mohd Basri Basir

Kangar, 25 Oktober – Seramai 92 bakal Doktor Falsafah (PhD) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diraikan dalam Hooding Ceremony yang berlangsung di Hotel Putra Regency di sini, baru-baru ini.

Jumlah itu meliputi 51 graduan tempatan dan 41 antarabangsa dari 10 negara di mana Jordan, Iraq dan Bangladesh mencatatkan jumlah paling ramai graduan.

Pada majlis sama turut diadakan penganugerahan anugerah penghargaan kepada graduan yang cemerlang dalam penerbitan berdasarkan lima kategori iaitu The Highest Impact Factor in a Single Paper; The Most Number of Papers in Q1; The Highest Cumulative Impact Factor; The Highest Number of Scopus Papers; dan The most number of papers in ISI indexed Journals.

Majlis yang dianjurkan kali kedua ini selepas kali pertama pada 2017 menjadi lebih bermakna dengan kehadiran Duta Kuwait ke Malaysia, Saad Abdullah Saleh Al Asousi. Turut hadir adalah Pengurusi Lembaga Pengarah UniMAP, Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin, dan Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

